

06/10/2001

KWSP ambil alih skim anuiti

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan memutuskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mengambil alih sepenuhnya pentadbiran skim anuiti yang sebelum ini dilaksanakan lapan syarikat insurans, termasuk dua institusi takaful.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata berikutan keputusan itu, KWSP akan bertindak sebagai agen insurans yang akan membuat pengiraan dan membayar wang saraan bulanan selama 20 tahun selepas pencarum bersara.

"KWSP bukan sebagai syarikat insurans sepenuhnya tetapi ia akan membuat pengiraan jumlah wang yang disimpan pencarum sebelum dibayar setiap bulan.

"Jadi, tak ada komisyen untuk ejen insurans kerana KWSP sendiri akan melakukannya," katanya pada majlis makan malam Ulangtahun ke-50 KWSP di sini malam ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Skim anuiti yang diperkenalkan Julai 2000, ditangguhkan Mei lalu, berikutan bantahan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Ia adalah program persaraan yang mana sebahagian caruman pekerja, dengan kebenaran pencarum, akan diurus dan diagihkan seperti skim pencen setiap bulan selepas bersara.

Syarikat insurans yang dilantik sebelum ini bagi mentadbir skim itu adalah John Hancock Life Insurance (Malaysia) Bhd, Hong Leong Assurance Bhd, Malaysia National Insurance Bhd, Malaysian Assurance Alliance Bhd, Mayban Life Assurance Bhd dan MCIS Insurance Bhd.

Selain itu, dua syarikat takaful turut menyediakan perkhidmatan sama iaitu Syarikat Takaful Malaysia Bhd dan Takaful Nasional Sdn Bhd.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mengkaji bantahan yang dibuat beberapa pihak dan berpendapat keputusan berkenaan adalah penyelesaian terbaik.

Sehubungan itu, beliau berharap tidak ada lagi bantahan daripada pekerja atau pihak kesatuan kerana keputusan mengarahkan KWSP mentadbirkan skim itu adalah untuk keuntungan pekerja.

Bercakap kepada pemberita, Perdana Menteri berkata, lembaga KWSP harus mempertimbangkan mekanisme pembayaran kerana tempoh 20 tahun itu adalah hanya cadangan kerajaan.

"KWSP tidak akan bayar sekali gus... tetapi secara ansuran bulanan. Kalau nak ambil semua pun boleh... nak ambil sebahagian untuk berniaga pun boleh dan sebahagian lagi dibayar ansuran," katanya.

Dr Mahathir berkata, kaedah yang dicadangkan kerajaan itu hampir sama dengan skim insurans tetapi mengikut perkiraan kerajaan, pencarum akan menikmati pulangan lebih daripada kaedah insurans.

Ditanya bila skim baru itu akan dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, KWSP sedang memperincikan keputusan itu.

Sementara itu, Pengerusi KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali berkata keputusan kerajaan itu akan dibentangkan dalam mesyuarat lembaga KWSP, 11 November depan.

(END)